

PERASMIAN STUDENT MALL

Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani, Wang Ulu, Bintong

Oleh: Fathul Azan B. Faezan



Pada 7 Julai 2008 bertempat di "Student Mall" Kolej Kediaman Wang Ulu Bintong, menyaksikan satu lagi detik bersejarah iaitu perasmian "Student Mall" yang disempurnakan oleh Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang baru, Tan Sri Dato' Seri Zainul Ariff Bin Hussain. Pada majlis tersebut juga, simbolik upacara menanam pokok telah dilakukan oleh Tan Sri Dato' Seri serta isteri. Turut hadir sama bagi memeriahkan majlis ialah Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg Brig. Jen. Dato' Prof Dr. Kamarudin Bin Hussin, diiringi oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Turut tidak ketinggalan ialah Pendaftar, Tuan Hj. Rusli Hj. Abd Hamid dan Puan Saodah Hassan selaku Bendahari UniMAP serta pengetua-pengetua kolej kediaman UniMAP. Selepas upacara tanaman pokok tersebut, majlis

diteruskan pula dengan upacara memotong reben oleh Tan Sri Dato' Seri Zainul Ariff Bin Hussain.

Dalam lawatan tersebut juga, beliau turut melawat premis-premis yang beroperasi, antaranya ialah kedai percetakan, pakaian sukan, kek dan tudung. Untuk pengetahuan umum, Universiti Malaysia Perlis telah menawarkan 7 premis perniagaan kepada para pelajar yang berminat untuk menjalankan aktiviti berniaga. Iaitu 4 lot di Kolej Kediaman Wang Ulu, Bintong manakala 3 lot selebihnya adalah di Kolej Kediaman Kg Wai. Selain itu, dengan perasmian ini juga telah menunjukkan bahawa UniMAP turut tidak ketinggalan dalam usaha untuk membudayakan keusahawanan sekalipun UniMAP seperti yang sedia maklum lebih cenderung kearah kejuruteraan. Ini dibuktikan lagi apabila UniMAP adalah antara IPTA terawal yang berjaya menyiapkan "Student Mall" selain daripada UKM dan UPM. Program ini juga adalah antara kerjasama daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD), yang berhasrat melihat bidang keusahawanan akan terus berkembang di setiap IPTA khususnya kepada mahasiswa.

Dalam pada masa yang sama, dengan tertubuhnya "Student Mall" ini, diharap dapat memberikan manfaat yang lebih kepada para pelajar dalam menjalani aktiviti sehari-hari dan harapan agar bidang keusahawanan akan terus maju dan kukuh dalam setiap diri para mahasiswa UniMAP.

